

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 159

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan proses pembinaan bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran dan jangkaan tempoh akan siap dibina memandangkan proses pembinaan adalah ke belakang dari jadual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek SMK Libaran telah diluluskan melalui peruntukan pembangunan *rolling plan* 1, RMK 11 Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM29.6 juta. Skop bagi projek ini meliputi pembinaan baharu 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Sehingga 31 Mei 2019, projek SMK Libaran telah berada pada peringkat pembinaan dengan status pelaksanaan di tapak 43 peratus berbanding 72 peratus berdasarkan jadual.

Memandangkan projek ini telah lewat dari jadual, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan Surat Amaran Kemungkinan kepada pihak kontraktor. Berdasarkan prestasi semasa dan tindakan intervensi yang dilaksanakan, projek pembinaan SMK Libaran ini dijangka siap selewat-lewatnya pada awal tahun 2020. Pihak KPM walau bagaimanapun akan terus memantau projek ini dan akan sentiasa mencari penyelesaian yang terbaik dalam memastikan projek pembinaan SMK Libaran dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN FONG KUI LUN

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11648

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan Operasi Selamat musim Hari Raya Aidilfitri terbaru dari segi kemalangan yang dapat dikurangkan, langkah mengatasi punca-punca kemalangan dan kesesakan lalu lintas di banyak lebuhraya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Statistik kemalangan jalan raya Op Selamat 15/2019 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2,050 kes (9.1%) berbanding Op Selamat 13/2018. Walau bagaimanapun, jumlah kemalangan maut telah menurun sebanyak 3 kes (1.3%) bagi kedua-dua Op Selamat ini.

Punca utama terjadinya kemalangan jalan raya adalah daripada sikap pengguna jalan raya itu sendiri yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. Pengguna jalan raya sering kali cuai dan kurang kesabaran semasa memandu kenderaan sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan. Antara sikap kecuai pemandu menyebabkan berlakunya kemalangan maut adalah seperti terbabas sendiri dan memasuki laluan yang bertentangan.

Bagi kesesakan lalu lintas di lebuh raya, ia berlaku disebabkan perkara-perkara berikut:

- (i) Peningkatan jumlah kenderaan semasa cuti-cuti perayaan;
- (ii) Berlakunya kemalangan;
- (iii) Keluar/masuk kenderaan hentian rehat dan rawat;
- (iv) Kerosakan kenderaan;
- (v) Susur keluar/masuk di lebuh raya; dan
- (vi) Masuk/keluar di tol.

PDRM sentiasa mengambil tindakan kawalan terhadap kemalangan dan kesesakan yang berlaku di atas lebuh raya. Rondaan trafik sentiasa dijalankan dalam tempoh 24 jam bagi tujuan pemantauan dan mengambil tindakan segera untuk mengatasi sebarang permasalahan ke atas trafik yang dihadapi di atas lebuh raya.

Pada masa ini, lebuh raya merupakan jalan selamat dan jalan utama sebagai penghubung kepada bandar-bandar besar dan tidak memberikan impak besar terhadap kemalangan jalan raya dan kesesakan lalu lintas yang berlaku berbanding jalan-jalan yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 161

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu petani dan nelayan menguasai penggunaan teknologi ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyedari bahawa penguasaan teknologi ekonomi digital telah menjadi semakin penting pada masa kini. Dalam hal ini, Kementerian juga tidak ketinggalan untuk membantu para petani dan nelayan menggunakan ekonomi digital untuk memasarkan produk mereka secara atas talian. Pada tahun 2015, Agrobazaar Online yang merupakan platform untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada pengguna telah dilancarkan. Sehingga Jun 2019, Agrobazaar Online mempunyai 4,970 kedai dengan 13,085 SKU produk, 28,865 orang pembeli, dan 10,660 transaksi dengan nilai jualan sebanyak RM4.95 juta.

Di samping itu, Kementerian juga sedang membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai *Agriculture Flagship* (AgF). Selain untuk kegunaan dalaman kementerian, sistem ini juga boleh digunakan oleh petani dan nelayan. Sebagai contoh, Sistem Pengurusan Petani Pintar yang merupakan salah satu komponen Fasa 2 AgF dan berfungsi untuk membantu proses analisis penawaran, permintaan dan pasaran dengan lebih sistematik boleh dimanfaatkan oleh petani dan nelayan untuk memahami trend dan kehendak pasaran, merancang jadual pengeluaran dan seterusnya melaksanakan strategi pemasaran yang berkesan dan memenuhi keperluan pasaran samada melalui jualan secara atas talian mahupun di luar talian.

Selain melalui inisiatif Kerajaan, terdapat juga platform e-dagang milik swasta yang memasarkan produk pertanian segar seperti e-shop TESCO dan Happyfresh.my. Walau bagaimanapun, pemasaran produk pertanian segar secara atas talian masih kurang mendapat sambutan daripada kalangan petani dan nelayan sendiri atas beberapa faktor seperti pengendalian penyimpanan dan logistik. Dalam hal ini, Kementerian sedang meneliti kaedah yang telah diguna pakai di beberapa negara luar terutamanya China dan Jepun untuk mencari kaedah pemasaran atas talian yang terbaik untuk petani dan nelayan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.